

13 MAY 2001

Mustapa-Penyangak

EKONOMI NEGARA KUKUH GAGALKAN USAHA PENYANGAK TURUNKAN RINGGIT

JASIN, 13 Mei (Bernama) -- Kerajaan yakin ekonomi negara yang kukuh akan menggagalkan usaha penyangak mata wang menurunkan nilai ringgit yang kini ditambat pada paras RM3.80 bagi setiap dolar Amerika.

Penasihat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata, memang terdapat percubaan oleh penyangak-penyangak mata wang yang menyebarkan khabar angin malahan ada yang menulis bahawa kerajaan akan menurunkan nilai mata wang.

"Walaupun ada anasir yang cuba menjatuhkan ekonomi negara dengan menyebarkan khabar angin palsu, ia tidak akan memberi kesan kepada nilai ringgit yang dipertahankan pada paras RM3.80," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Penerangan Isu-isu Semasa, Badan Penerangan Umno, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang mendedahkan niat jahat penyangak mata wang asing dan tempatan yang menyebarkan khabar angin nilai ringgit akan diturunkan.

Malaysia telah menambat ringgit pada paras RM3.80 bagi satu dolar Amerika pada September 1998 sebagai sebahagian daripada langkah kawalan modal terpilih untuk menangkis serangan penyangak mata wang.

Menurut Mustapa sebahagian daripada kemerosotan kecil rizab negara pada penghujung Mac dan April lepas adalah kerana tindakan spekulasi penyangak berkenaan.

"Oleh kerana ringgit telah ditetapkan, ia tidak memberi kesan kepada nilai ringgit," katanya.

Beliau berkata jika ringgit tidak ditambat dan terdapat khabar angin sedemikian sudah pasti nilai mata wang negara akan jatuh berbanding dolar Amerika.

Dalam perkembangan lain, Mustapa yang juga Ketua Penerangan Umno berkata lebih banyak program dan pendekatan akan diperkenalkan oleh Badan Penerangan Umno bagi menangani dakwah parti pembangkang menerusi ceramah isu-isu semasa.

"Kita sedang menggerakkan program ini dengan lebih cergas terutama mengadakan ceramah-ceramah umum di beberapa buah negeri seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu," katanya.

Beliau berkata program itu dengan ceramah oleh tokoh-tokoh yang pernah menyertai parti PAS dan Keadilan yang bermula beberapa bulan lepas akan dijalankan setiap hujung minggu.

Daripada maklumbalas yang diterima, rakyat semakin menerima hakikat bahawa apa yang diperjuangkan oleh Umno adalah berlandaskan tuntutan agama Islam.

-- BERNAMA

NO PR